

Headline	Tidak boleh ganggu, hak peribadi		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	07 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	166,774
Page No	6	Readership	500,322
Language	Malay	ArticleSize	279 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,240
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,720



Kerajaan tiada kuasa menghalang pemandu merokok dalam kereta sendiri

## Tidak boleh ganggu, hak peribadi



KERAJAAN tiada kuasa untuk membuat larangan merokok di dalam kereta persendirian. – Gambar hiasan

**KUALA LUMPUR** – Kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk melarang perbuatan merokok di dalam kenderaan persendirian, kata Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye.

Beliau berkata, kenderaan persendirian adalah ruang peribadi dan ia tidak boleh diganggu.

“Merokok dalam kereta itu kawasan persendirian, kita tidak boleh ganggulah melainkan kalau perokok (merokok) dalam kenderaan awam kerana ia berada di bawah peraturan sedia ada dan ia memang kawasan larangan merokok.

“Kalau ibu bapa yang memandu dan dalam kereta ada kanak-kanak sepatutnya (mereka) tidak merokok.

Kalau dia pandu seorang, itu hak dia untuk dia merokok atau tidak,” katanya pada Program Menanam Pokok ‘Let’s Go Green’ anjuran Yayasan Paru-paru Malaysia (LFM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di sini semalam.

Turut hadir Ketua Pengerusi FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod dan Pengerusi LFM, Datuk Dr. Zainudin Md. Zain.

Boon Chye mengulas kenyataan Presiden Persatuan Perubatan

Malaysia, Dr. Mohamed Namazie Ibrahim agar kerajaan mempertimbangkan kempen kesedaran bagi menghalang perbuatan merokok di dalam kenderaan.

Katanya, beberapa negara seperti Australia, Kanada dan Perancis telah menguatkuasakan larangan merokok di dalam kenderaan persendirian, dengan mengenakan denda bagi mereka yang merokok jika ada kanak-kanak atau wanita hamil berhampiran.

Sementara itu, Boon Chye berkata, sebanyak 22,767 notis amaran telah dikeluarkan kepada premis makanan dan restoran yang gagal mempamerkan tanda larangan merokok dari 1 Januari hingga 24 Februari di seluruh negara. – Bernama



BOON CHYE